

23/05/1998

Mesyuarat sulung MAN bulan depan

JITRA, Jumaat - Majlis Air Negara (MAN) dijangka mengadakan mesyuarat sulungnya pada minggu pertama atau kedua bulan depan, yang akan dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dihadiri semua ketua kerajaan negeri.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata mesyuarat itu akan membincangkan fungsi MAN dalam menyediakan program pembekalan air untuk jangka panjang, melalui kerjasama semua negeri.

Setakat ini, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri sudah memberikan persetujuan penubuhan MAN dan mesyuarat itu dijangka menghasilkan keputusan yang boleh menjamin kelangsungan bekalan air, terutama ketika kemarau.

Sambil menegaskan kuasa kerajaan negeri terhadap air sebagai punca pendapatan tidak terjejas, beliau berkata, Kerajaan Persekutuan hanya berfungsi sebagai penyelarass bekalan air ke seluruh negara.

"Sekurang-kurangnya lima perkara akan dibincangkan pada mesyuarat itu seperti penjelasan mengenai tujuan MAN kerana kita tidak mahu masalah ketiadaan air di Lembah Klang sekarang, berulang.

"Tiada negeri yang akan menyerahkan hak masing-masing ke atas air kepada Kerajaan Persekutuan," katanya selepas menyampaikan diploma kepada 40 penuntut Institut Teknologi Silikon, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan negeri, Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim.

Kabinet pada 29 April lalu meluluskan penubuhan MAN sebagai badan merancang dan mengatur punca air dengan jaminan Kerajaan Persekutuan tidak akan mengambil hak kerajaan negeri.

Idea penubuhan MAN sejak 1994 ditimbulkan sekali lagi oleh beberapa pihak berikutan kegawatan air, terutama di Lembah Klang akibat kemarau, pertengahan bulan lalu.

Dengan penubuhan MAN, sumber air yang banyak di sesebuah negeri akan dijual kepada negeri lain. Selain itu, urusan berkaitan pengawasan dan pemuliharaan kawasan tadahan air juga akan diselenggarakan.

Pengerusi Jemaah Menteri Besar dan Ketua Menteri, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad sebelum ini berkata, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri diminta menyediakan laporan sumber air di negeri masing-masing untuk dibentangkan dalam mesyuarat MAN.

Laporan itu membolehkan MAN mengetahui kemampuan setiap negeri membekalkan air tambahan yang diperlukan apabila berlaku masalah kekurangan bekalan air.

(END)